

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan strategi mengatasi isu gaji tidak berubah (*wage stagnation*) terutamanya di kalangan graduan dan belia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kadar gaji lebih tinggi boleh dirundingkan dengan majikan setimpal dengan kelayakan dan kemahiran yang dimiliki oleh graduan dan belia. Kadar gaji juga boleh ditetapkan melalui kuasa pasaran yang dimuktamadkan melalui kontrak perkhidmatan dan perundingan Perjanjian Kolektif bagi pekerja yang mempunyai kesatuan sekerja.

Kementerian Sumber Manusia telah menerbitkan Buku Panduan Gaji Permulaan 200 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran (Buku Panduan Gaji). Tujuan utama Buku Panduan Gaji adalah untuk mengiktiraf graduan dan belia lepasan institusi latihan kemahiran atau universiti dan seterusnya meningkatkan penyertaan tenaga mahir dalam pasaran tenaga kerja negara.

Kewujudannya tidak bersifat mandatori dan hanyalah sebagai panduan bagi majikan dalam menetapkan gaji permulaan bagi sesuatu pekerjaan berasaskan kemahiran.